



---

PUSAT PENGAJIAN  
PENDIDIKAN JARAK JAUH  
Universiti Sains Malaysia

---

## Perancangan Akademik

---

# JTW 104/4 JTW 101/3 PENGANTAR PENGURUSAN

---

Sidang Akademik 2011/2012

KELAS SIDANG VIDEO		
SIDANG VIDEO	TARIKH	MASA
1		
2		
3		
4		
5		

[Tarikh dan masa kelas sidang video perlu diisi oleh pelajar dengan merujuk kepada jadual sidang video sidang akademik 2011/2012 yang boleh dimuat turun dari portal e-pembelajaran.]

## JTW 104/3 - PENGANTAR PENGURUSAN

**PENGURUS KURSUS** : Dr Nasina Mat Desa  
**ALAMAT** : Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
11800 USM, Pulau Pinang  
**EMAIL** : [nasinausm@gmail.com](mailto:nasinausm@gmail.com)  
**NOMBOR TELEFON** : 04-653 4567  
**NOMBOR BILIK** : 153

### SINOPSIS KURSUS

Kursus ini membolehkan para pelajar untuk memahami konsep dan teori pengurusan yang digunakan di dalam sesebuah organisasi. Kursus ini mengupas beberapa isu pengurusan seperti isu motivasi, konflik sesama rakan sekerja, isu politik dalam organisasi dan konsep-konsep yang berkaitan dengan asas pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan.

### OBJEKTIF KURSUS

Di akhir kursus ini, para pelajar akan dapat :

- Menghuraikan maksud pengurusan dengan lebih jelas dan tepat
- Mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan belajar untuk menanganinya.
- Mengaplikasikan konsep-konsep asas pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan di organisasi mereka

### MOD KURSUS

- Pelajar dihendaki melakukan pembelajaran sendiri.
- Pensyarah akan "facilitate" pelajar melalui sidang video dan perbincangan yang diadakan di dalam portal.
- Pelajar digalakkan untuk mewujudkan kumpulan perbincangan.
- Interaksi pelajar-pensyarah digalakkan **SECARA AKTIF** melalui emel dan e-portal.

### BUKU TEKS UTAMA

*Pengantar Pengurusan.* Azzat Mohd. Nasuridin, Zainal Ariffin Ahmad, Intan Osman (2006). Terbitan Pertama.

## BUKU RUJUKAN

- Sebarang buku "Principles of Management" dan "Organizational Behaviour" boleh diguna pakai.

## SUMBANGAN KERJA KURSUS DAN PEPERIKSAAN AKHIR

### PENILAIAN KURSUS

Tugasan	-	20%
Peperiksaan Berterusan	-	20%
Peperiksaan Akhir	-	60%

### TUGASAN KUMPULAN (20%)

#### *Keperluan Tugasan:*

- Tugasan perlu dilakukan secara **berpasangan** atau **maksima 4 orang** sahaja. Tugasan secara individu tidak akan diterima sama sekali. Sila cari rakan sekumpulan semasa minggu orientasi ataupun iklankan diri anda di portal e learning PPPJJ.
- Artikel dan lain-lain buku rujukan boleh digunakan sebagai bantuan.
- Pastikan artikel dan teks berkaitan mempunyai rujukan.
- Gunakan cara rujukan APA style (Sila buat carian di dalam google).

#### *Tajuk Tugasan:*

*Tugasan ini mempunyai 2 bahagian :*

#### *Bahagian pertama:*

1. *Kenalpasti 3 orang pemimpin dunia (sekarang ataupun masa dahulu) yang anda kagumi dan tulis biodata pemimpin tersebut. Penulisan anda perlulah merangkumi latar belakang/biodata pemimpin, kronologi pemimpin semasa saat kejayaan dan kejatuhannya/kematiannya. Huraikan juga kenapa kumpulan anda mengagumi pemimpin ini.*

#### *Bahagian kedua*

1. *Apakah perbezaan antara seorang pengurus (a manager) dan pemimpin (a leader)? Kupaskan permasalahan ini dengan memberikan definisi beserta dengan contohnya sekali. Bincangkan juga sifat-sifat seorang pengurus yang baik.*

Setiap tugas mestilah mempunyai "cover" tugas yang mempunyai senarai nama pelajar dan nombor matrik pelajar. Juga, taipkan nama pensyarah anda. Sementara isi kandungan tugas perlulah mengikut format seperti yang berikut:

- 1.0 Bahagian pertama
- 2.0 Bahagian kedua
- 3.0 Kesimpulan
- 4.0 Senarai bahan rujukan
- 5.0 Lampiran (jika ada)

***Pembahagian markah ialah seperti berikut:***

1. Bahagian pertama. (40%)
2. Bahagian kedua (40%)
3. Kesimpulan (10%)
- 4.. Kekemasan, Format, Senarai bahan rujukan dan lampiran (jika ada) – (10%)

***Format Tugas:***

- Tugas disediakan menggunakan komputer.
- Gunakan saiz font 12" dan bergaya "arial".
- Isi kandungan tugas tidak melebihi 20 muka surat (tidak termasuk lampiran).
- Penulisan berperenggan langkau-dua (double spacing).
- Marjin: satu inci bagi setiap arah muka surat.
- Tugas boleh dibuat dalam Bahasa Malaysia ataupun Inggeris.
- "Normal binding"- Jangan buat ' ring binding'.

***Tarikh akhir penyerahan tugas:***

- 30 Januari 2012.
- Tugas mesti diserahkan di kaunter PPPJJ.
- Gunakan kulit hadapan yang telah dibekalkan (salinan boleh dilakukan jika memerlukan kulit tugas yang tebal).

**Peperiksaan Berterusan**

Tarikh : Semasa Kursus Intensif  
Bahagian yang akan diuji : Akan diberitahu kemudian ( pada sidang video ke-3 dan dimaklumkan di dalam portal)

**Peperiksaan Akhir**

Tarikh: Akan dimaklumkan kemudian  
Bahagian yang akan diuji : Akan diberitahu kemudian ( pada sidang video ke-5 dan dimaklumkan di dalam portal)

## KURSUS INTENSIF

Kursus Intensif akan diadakan pada **bulan Januari 2012** . .

### JTW101 PENGANTAR PENGURUSAN

Kuliah	Bab	Tajuk Topik
Sidang Video 1	1	Pengenalan kepada Pengurusan
	2	Evolusi Disiplin Pengurusan
Sidang Video 2	3	Persekitaran Luaran Organisasi
	4	Tanggungjawab Sosial dan Etika
Sidang Video 3	5	Pengurusan Kualiti
	8	Pembuatan Keputusan
Kursus Intensif 1	6	Perancangan
	9	Pengorganisasian
Kursus Intensif 2	10	Pengurusan Sumber Manusia
	11	Kepimpinan
<b>Peperiksaan Berterusan</b>		Tarikh akan diumumkan dalam e-portal
Sidang Video 4	12	Motivasi
	13	Komunikasi
Sidang Video 5	14	Dinamik Kumpulan
	15	Pengawalan
<b>Peperiksaan Akhir</b>		Tarikh akan diumumkan dalam e-portal

\*\*\* SELAMAT BELAJAR \*\*\*